

UM 14 SEP 1984

Tentera dihasut usah ikut arahan

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan perbuatan golongan tertentu yang tidak menggalakan anggota anggotatenteramasuk ke hutan kononnya dikuatiri akan meninggalkan sembahyang.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa golongan itu telah menganggap anggota - anggota tentera sebagai "tidak Islam" kerana tidak boleh bersembahyang semasa operasi di hutan dan telah menghasut mereka supaya jangan mematuhi arahan pegawai-pegawai mereka dan sebagainya.

Sambil mensifatkan golongan yang membawa ajaran seumpama itu sebagai penderhaka kepada agama, bangsa dan negara, beliau menegaskan bahawa dakyah - dakyah itu boleh melemahkan semangat angkatan tentera.

"Tindakan anggota - anggota tentera tidak mematuhi arahan ketua, atau pun tidak mahu masuk ke hutan kerana menganggap ia akan menghalang mereka daripada menunaikan sembahyang, boleh membahayakan keselamatan negara dalam menghadapi ancaman komunis," tambahnya.

Ketika berucap di majlis penutup seminar dua hari guru - guru agama kanan angkatan tentera di Kementerian Pertahanan tengah hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir membidas golongan yang hidup dalam negara yang bebas tetapi melakukan perbuatan yang boleh menjatuhkan negara ke tangan musuh Islam.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mengingatkan para pegawai kerajaan termasuk ang-

gota - anggota tentera yang menaruh perasaan simpati terhadap mana - mana parti pembangkang supaya menghadkan simpati mereka itu setakat memberi undi dalam pilihanraya sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Beliau menegaskan mereka yang cuba melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan negara atau pun melemahkan pertahanan negara boleh dicap sebagai penderhaka dan seterusnya memberikan amaran bahawa kerajaan akan bertindak tegas ke atas mereka yang terlibat dengan kegiatan seumpama itu.

"Walaupun para pegawai kerajaan tidak boleh aktif dalam politik, tetapi sistem demokrasi seperti yang diamalkan di Malaysia tidak menyekat mereka yang mempunyai simpati terhadap mana - mana parti politik walaupun bukan parti kerajaan."

"Apa yang harus kita ingat ialah simpati itu hendaklah setakat memberi undi sahaja tetapi tidak hingga ke peringkat melaksanakan perbuatan - perbuatan yang boleh menjejaskan negara," tegasnya.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau mendapati mereka tidak boleh bersembahyang.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan golongan itu supaya menyedari hakikat bahawa mereka kini tinggal di dalam sebuah negara di mana semua orang dapat bebas beribadat dan sebagainya yang mana tidak dapat di setengah - setengah negara khususnya yang dikuasai oleh komunis.

Tanpa menyebut di mana ia berlaku dan identiti mereka yang terlibat, Perdana Menteri memberitahu pen-

Kalanya, ada negara yang menghadkan kegiatan beragama manakala ada yang hanya mengiktiraf satu dua agama sahaja yang boleh dianuti oleh rakyatnya.

"Tetapi di Malaysia tidak ada halangan langsung. Keadaan bebas ini perlu kita lindungi' untuk mempastikan kebebasan yang dinikmati ini kekal," tegasnya.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata setiap anggota tentera harus menyedari hakikat bahawa tanggungjawab mereka bukanlah sekadar mempertahankan sekeping tanah tetapi kebebasan yang dinikmati sekarang.

Katanya dalam konteks ini peranan guru - guru agama angkatan tentera dalam mewujudkan kesedaran di kalangan setiap anggota tentera terhadap tugas dan tanggungjawab mereka yang sebenarnya adalah sangat penting.

"Anggota - anggota tentera mempertahankan negara dengan nyawa mereka. Mereka cuma sanggup berbuat demikian jika mereka kepada negara dan agama," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, atas hasrat untuk menerapkan pengetahuan agama yang lebih berkesan agar setiap anggota angkatan tentera memahami tanggungjawab mereka inilah kerajaan ber-

cadang untuk menubuhkan



Kor agama angkatan tentera.

Beliau yakin dengan penubuhan kor itu yang akan menjadikan guru - guru agama sebahagian dari angkatan tentera akan membolehkan usaha itu dijalankan dengan lebih berkesan dan tersusun berbanding dengan sekarang.

"Masanya sudah tiba bagi kita mempunyai sebuah badan yang tersusun supaya anggota tentera kita mendapat pimpinan yang baik dari segi agama dan pertahanan negara. Niat kerajaan hendak menubuhkannya adalah semata - mata untuk kepentingan kita semua," katanya.

Beliau juga berharap agar guru - guru agama tidak bersikap sekadar menjalankan tugas untuk makan gaji sahaja dan tidak mahu berusaha lebih giat dalam menerapkan pemahaman anggota tentera terhadap tugas dan tanggungjawab mereka terhadap bangsa, negara dan agama.

Turut hadir dalam majlis penutup seminar guru - guru agama kanan angkatan tentera itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan Abang Abu Bakar Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ghazali Mohd. Seth dan para pegawai tinggi tentera yang lain.

Seminar dua hari itu telah dihadiri oleh 50 orang guru agama kanan angkatan tentera dari seluruh negara.

Dani, MS 56